

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
KARNIVAL HAIWAN KESAYANGAN SEBERANG PERAI
PEJABAT CAWANGAN JALAN BETEK
16 JUN 2013 (AHAD)**

Terima kasih Pengacara Majlis

.....

Yang Berusaha Dr Romli bin Haji Awang
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MPSP

Yang Dihormati Puan Liu Ting Ling
Pengerusi LA 21 Kesayangan Haiwan MPSP
Merangkap Wakil SPCA Seberang Perai

Yang Dihormati Cik April Sham
Pengasas Save Our Strays (S.O.S)

Yang Dihormati Encik Turaisingam A/L Mahalingam
Pengerusi Mercy, Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pertama sekali bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kekuatan untuk sama-sama menjayakan majlis perasmian karnival haiwan kesayangan Seberang Perai pada pagi ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak

yang telah bekerjasama untuk menjayakan proses pelancaran majlis ini. Terima kasih juga kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah hadir pada pagi ini.

Para hadirin sekalian,

Untuk makluman para hadirin, matlamat karnival ini adalah untuk memupuk kerjasama antara MPSP serta masyarakat, dan juga badan badan organisasi bukan kerajaan atau NGO's dalam usaha mewujudkan masyarakat yang prihatin terhadap kebajikan haiwan kesayangan serta usaha menangani isu haiwan terbiar. Aduan berkaitan isu anjing terbiar yang perlu ditangani pihak Majlis kian bertambah setiap hari jadi ia memerlukan satu mekanisme yang efektif agar setiap masalah yang timbul ditangani dengan sebaik-baiknya.

Ini selaras dengan usaha untuk mengelakkan berlakunya pandangan negatif daripada segelintir masyarakat terhadap cara Majlis Perbandaran Seberang Perai menangani isu ini. Majlis juga sentiasa proaktif di dalam mencari kaedah-kaedah baru yang saintifik dalam mengawal populasi haiwan terutamanya anjing dan kucing.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Untuk makluman, sebanyak tiga program akan dijalankan dalam karnival ini iaitu program pemandulan, program "puppies adoption", dan juga program taklimat kesedaran.

Program pemandulan merupakan satu langkah bersifat jangka masa panjang untuk mengurangkan populasi anjing terbiar. Masyarakat dapat didedahkan tentang kebaikan kaedah ini kerana ianya selamat serta tidak bertindak kejam terhadap haiwan. Selepas anjing ini dimandulkan oleh doktor veterinar, anjing tersebut akan diberikan sebuah patil yang akan dipakaikan di leher anjing tersebut sebagai tanda anjing tersebut telah dimandulkan. Bayaran untuk pemandulan ini adalah sebanyak RM 60.00 pada hari ini, dan kebiasaanya di caj yang dikenakan di klinik swasta adalah diantara RM 120.00 – RM 150.00.

Untuk makluman semua, pada tahun 2011, sebanyak 154 ekor anjing dan 43 ekor kucing dimandulkan, manakala 144 ekor anjing dan 27 ekor kucing dimandulkan pada tahun 2012. Sehingga bulan Mei 2013, sebanyak 64 ekor anjing dan 13 ekor kucing telah dimandulkan.

Program "puppies adoption" pula dapat membentuk masyarakat prihatan serta penyayang terhadap anjing terbiar yang memerlukan pemilik untuk menjaga kebajikan setiap anjing ini.

Majlis Perbandaran Seberang Perai juga akan menyediakan taklimat kesedaran bertujuan untuk melibatkan lebih ramai pihak seperti JKKK, RT, RA di setiap kawasan untuk bersama-sama pihak MPSP serta S.O.S. MERCY Perai, SPCA dan JPV berkongsi pandangan serta pengalaman untuk menangani isu anjing terbiar.

Pihak yang menghadiri taklimat ini juga dapat diberi penjelasan tentang masalah yang dihadapi oleh pihak MPSP dan penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing MPSP berhubung perkara ini. Taklimat ini diharap untuk menjadi satu langkah permulaan ke arah perancangan yang lebih besar pada masa hadapan yang dapat diwujudkan antara pihak MPSP dan pihak-pihak lain seperti yang dinyatakan di atas. Taklimat yang disampaikan juga akan merangkumi aspek penjagaan haiwan kesayangan yang dirasakan amat berguna kepada pemilik haiwan kesayangan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pasukan LA 21 Kesayangan Haiwan MPSP juga menjalankan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran orang awam tentang kebajikan dan pemeliharaan haiwan seperti anjing dan kucing dari masa ke semasa.

Program pemandulan anjing dan kucing diadakan setiap bulan di Pejabat Cawangan MPSP, Jalan Betek. Disamping itu, pameran kempen pemandulan anjing dan kucing turut diadakan setiap dua bulan di pasar-pasar bagi mendidik pemilik anjing dan kucing yang lebih bertanggungjawab. Selain itu, MPSP bersama dengan SPCA juga mengadakan program mengambil anak angkat anak anjing di Auto City setiap dua bulan.

Program atau aktiviti bulanan yang dijalankan oleh MPSP bukan sahaja tertumpu pada peringkat masyarakat tetapi juga pada peringkat sekolah. Kem pendidikan haiwan kesayangan untuk pelajar sekolah juga akan diadakan sekali dalam setahun. Kem pendidikan haiwan kesayangan ini diadakan sejak tahun 2008 dan secara purata seramai 100 peserta menyertai kem pendidikan ini. Kem pendidikan ini diadakan dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada para murid tentang cara-cara membela anak kucing dan anjing, cara-cara untuk melatih anjing dengan pergerakan yang senang dan sebagainya.

Tujuan-tujuan semua program dan aktiviti dijalankan adalah untuk mengurangkan aduan orang ramai terhadap anjing liar berkeliaran. Melalui program pemandulan anjing, ia dapat membantu mengurangkan kelahiran anak anjing dan kemudian dibuangkan di tepi jalan. Menurut statistik MPSP, penangkapan anjing liar bertambah dari tahun ke tahun.

Pada tahun 2010, sebanyak 3,746 ekor anjing ditangkap dan ia meningkat kepada 3,757 ekor pada tahun 2011 dan 5,575 ekor pada tahun 2012. Sehingga bulan Mei 2013, sebanyak 1,923 ekor anjing telah ditangkap.

Sempena dengan Karnival yang dijalankan pada hari ini, saya ingin menyeru kepada semua pemilik anjing dan kucing untuk menjaga haiwan peliharaan dengan baik dan bertanggungjawab kerana MPSP banyak menerima aduan berkenaan dengan kesalahan memelihara anjing tanpa lesen serta kacauganggu dari haiwan peliharaan tersebut.

Untuk makluman umum semua, jumlah notis kesalahan pelihara anjing tanpa lesen yang dikeluarkan menunjukkan penurunan dari tahun 2010 ke tahun 2012 iaitu, dari 779 notis pada tahun 2010 ke 283 notis pada tahun 2011 dan seterusnya menurun kepada 151 notis sahaja pada tahun 2012. Manakala sehingga bulan Mei 2013, 115 notis dikeluarkan.

Disini, saya berharap semua pemilik anjing boleh mendapatkan lesen anjing untuk anjing peliharaan mereka dan yuran pembayaran untuk setiap patil lesen adalah sebanyak RM 10.00 sahaja. Pemohonan lesen boleh dibuat di pejabat-pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai, Butterworth, Bukit Mertajam, Sungai Jawi.

Manakala notis kacauganggu yang dikeluarkan oleh Majlis pula adalah sebanyak 202 notis pada tahun 2010 kepada 170 notis pada tahun 2011 dan sedikit meningkat pada tahun 2012 iaitu 179 notis dikeluarkan. Dan sebanyak 207 notis dikeluarkan sehingga bulan Mei 2013.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk merealisasikan program Karnival Haiwan Kesayangan Seberang Perai pada pagi ini. Ucapan terima kasih kepada semua pihak terutamanya S.O.S, Mercy, SPCA yang terlibat bersama-sama MPSP menganjurkan karnival yang julung-julung kali diadakan ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua hadirin yang bersama-sama menjayakan program ini. Dan diharapkan kerjasama ini akan berterusan serta dapat memberi manfaat kepada seluruh warga Seberang Perai khususnya.

Dengan ini, saya merasmikan Karnival Haiwan Kesayangan Seberang Perai dan saya sudahi dengan ucapan ribuan terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.